

# Lepasan STPM dipelawa lanjut pengajian di UMSKAL

**LABUAN:** Keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2013 yang diumumkan baru-baru ini memperlihatkan peningkatan yang amat memberangsangkan dalam pencapaian para pelajar di setiap negeri yang mengambil peperiksaan itu.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, keputusan STPM 2013 juga menunjukkan peningkatan 10.73 peratus dengan 96.64 peratus pelajar lulus penuh berbanding 85.71 peratus pada tahun sebelumnya.

Pengarah UMS Kampus



**ISMAYIL**

Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, sebagai menghargai usaha murni para



**MOHD HARUN**

pelajar di Labuan, UMSKAL yang merupakan satu-satu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Labuan

amat mengalu-alukan mereka untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti berkenaan.

Katanya, terdapat dua fakulti yang ditawarkan di UMSKAL iaitu Fakulti Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik yang menawarkan pelbagai program dan bersesuaian dengan landskap ekonomi di Labuan.

Menurut Ismail lagi, UMS di bawah kepimpinan Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah selaku Naib Canselor UMS sentiasa memberi perhatian utama

kepada pembangunan pendidikan tinggi anak-anak Labuan selaras dengan hasrat Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli yang mahu melihat anak-anak di Labuan berjaya dalam bidang pendidikan.

Oleh demikian, Ismail mengalu-alukan para pelajar lepasan STPM 2013 di Labuan yang berminat dalam pengajian berteraskan perniagaan, kewangan dan sains informatik untuk menjadikan UMSKAL sebagai pilihan utama dan sekali gus memanfaatkan keberadaan UMSKAL sebagai salah satu IPTA di

negara ini.

Beliau bagi pihak Naib Canselor dan seluruh warga UMS juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pelajaran Labuan yang diterajui Pengarahnya Mistirine Radin dan warga pendidik di Wilayah Persekutuan Labuan yang bersungguh-sungguh membimbing pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mencatatkan yang cemerlang dalam STPM 2013.

“Warga UMS turut berasa bangga dengan pencapaian cemerlang pelajar Labuan dalam peperiksaan STPM

2013. Kami sangat mengalu-alukan pelajar terbabit untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi di UMSKAL,” katanya.

Fakulti Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan menawarkan lima program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Manakala Fakulti Komputeran dan Informatik menawarkan dua program iaitu-Dagang dan Teknologi Multimedia.